



# PERIBAHASA

## tingkatan 4 & 5



Bil.	Peribahasa	Maksud
1	Adat dikelek, hukum dijunjung	Adat dikuatkuasakan dan undang-undang ditegakkan
2	Adat sepanjang jalan, cupak sepanjang betung	Tiap-tiap pekerjaan ada peraturannya, tiap-tiap negeri mempunyai kebiasaannya
3	Air tangan	Masakan seseorang
4	Air yang tenang jangan disangka tiada buaya	Orang yang pendiam jangan disangka bodoh atau penakut
5	Alah membeli, menang memakai	Walaupun harga sesuatu barang itu mahal sedikit, namun berbaloi kerana kualitinya yang bagus
6	Alang-alang berminyak biar licin Alang-alang mandi biar basah Alang-alang berdakwat biar hitam	Berbuat sesuatu janganlah separuh jalan, biar bersungguh- sungguh hingga matlamat tercapai
7	Alang-alang menyeluk pekasam, biar sampai ke pangkal lengan	Kalau sudah terlanjur berbuat jahat, biarlah diperoleh hasil daripadanya
8	Ambil kira	Mempertimbangkan
9	Anak ayam kehilangan ibu	Kesusahan yang dialami oleh seseorang apabila dirinya kehilangan tempat bergantung
10	Anak bongsu	Anak yang paling muda dalam keluarga
11	Anak buah	a. Pekerja di bawah jagaan kita b. Anak saudara
12	Anak dagang	Orang luar yang datang menetap di sesuatu tempat
13	Bagai aur dengan tebing	Hubungan yang rapat dan saling membantu
14	Bagai cendawan tumbuh selepas hujan	Terlalu banyak pada sesuatu masa
15	Bagai cincin dengan permata Bagai pinang dibelah dua	Pasangan yang sepadan
16	Bagai dakwat dengan kertas	Hubungan yang sangat akrab
17	Bagai gembala diberi keris	Orang yang mendapat sesuatu yang tidak berguna baginya
18	Bagai ikan pulang ke lubuk Seperti belut pulang ke lumpur Setinggi-tinggi terbang bangau, akhirnya hinggap di belakang kerbau juga	Orang merantau yang pulang ke tempat asal
19	Bagai itik mendapat air	Memperoleh sesuatu yang sangat digemari
20	Bagai kaca terhempas ke batu	Sangat sedih atau kecewa
21	Bagai layang-layang putus talinya	Sudah putus harapan atau hilang pegangan
22	Bagai lebah menghimpun madu	Sangat rajin

23	Bagai menatang minyak yang penuh	Memelihara anak dengan penuh kasih sayang
24	Bagai telur di hujung tanduk	Dalam keadaan bahaya
25	Bagaimana acuan begitulah kuihnya Bagaimana contoh begitulah gubahannya	Perangai anak biasanya mengikut orang yang mengasuhnya
26	Bahasa jiwa bangsa Bahasa menunjukkan bangsa	Bahasa ialah ciri pengenalan atau identiti bangsa
27	Baik membawa resmi padi daripada resmi lalang	Tidak sombong; rendah diri
28	Bapa borek anak rintik Ke mana tumpahnya kuah kalau tidak ke nasi	Sifat atau kelakuan anak biasanya mengikut ibu bapanya / orang yang mengasuhnya
29	Belakang parang kalau diasah lagikan tajam	Walau betapa bodoh seseorang itu, jika diajar berulang kali akan pandai juga
30	Belayar sambil memapan, merapat sambil belayar	Sekali melakukan kerja, dua tiga maksud tercapai
31	Belukar sudah menjadi rimba Nasi sudah menjadi bubur	Kesalahan yang tidak dapat dibaiki lagi
32	Belum duduk sudah berlunjur Mendengar guruh di langit air di tempayan dicurahkan	Belum memperoleh sesuatu yang dikehendaki, sudah bergirang hati atau gembira lebih dulu
33	Berat mata memandang berat lagi bahu memikul	Betapa berat kita melihat kesusahan yang dialami oleh seseorang, berat lagi penderitaan itu pada orang yang menanggungnya
34	Bermuka dua	Tidak jujur
35	Bersekutu bertambah mutu	Bekerjasama antara satu sama lain akan menghasilkan kecemerlangan
36	Bertakuk ditebang, yang bergaris dipahat	Mengikut peraturan (adat, resam) yang lazim
37	Bertanggung itu pencuri masa	Melakukan kerja secara bertanggung akan merugikan diri sendiri
38	Besar pasak daripada tiang	Belanja lebih besar daripada pendapatan
39	Besar periuk, besarlah keraknya	Kalau berpendapatan besar, perbelanjaan pun besar
40	Biar mati anak jangan mati adat	Adat yang tidak boleh dilanggar
41	Biar putih tulang jangan putih mata	Lebih baik mati daripada menanggung malu
42	Buah tangan	a. Hasil pekerjaan b. Barang yang dibawa dari perjalanan, oleh-oleh
43	Bukit sama didaki, lurah sama dituruni Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing	Bersama-sama menghadapi atau mengerjakan sesuatu
44	Bulat air kerana pebetung, bulat manusia kerana muafakat Bulat air oleh pembuluh, bulat kata oleh muafakat	Keputusan sebulat suara akan tercapai sekiranya bersepakat

45	Carik-carik bulu ayam, lama-lama bercantum juga	Perselisihan faham antara saudara-mara dan adik-beradik tidak berpanjangan, akhirnya akan berbaik semula
46	Celik huruf	Orang yang tahu membaca dan menulis
47	Condong ditumpil, lemah dianduh	Orang yang dalam kesusahan wang (akal dan lain-lain) diberi pertolongan
48	Darah daging	Anak dan saudara-mara dari keturunan sendiri
49	Daripada segenggam jadi segantang	Bernasib baik
50	Di mana ada kemahuan, di situ ada jalan Hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih	Jika inginkan sesuatu, pasti seseorang itu akan berusaha sedaya upaya
51	Di mana air bertakung, di situ ikan berkampung Ada gula ada semut	Di tempat yang mudah mendapat rezeki, banyaklah orang berkumpul
52	Dicabut layu, diubah mati	Sesuatu keputusan yang tetap dan tidak dapat diubah lagi
53	Disuruh pergi, dipanggil datang	Perihal seseorang yang patuh menurut perintah
54	Duduk sama rendah berdiri sama tinggi	Orang yang sama taraf, sederajat
55	Duit tepi	Pendapatan sampingan atau wang tambahan
56	Gading mana yang tidak retak, bumi mana yang tidak ditimpa hujan	Setiap orang pasti pernah melakukan kesilapan
57	Genggam bara api biar sampai jadi arang	Membuat sesuatu pekerjaan yang susah, hendaklah sabar dan bersungguh-sungguh sehingga mencapai kejayaan
58	Gulung tikar	Muflis
59	Harga diri	Maruah, kehormatan
60	Hemat pangkal kaya, rajin pangkal pandai	Berusaha dengan bersungguh-sungguh sehingga memperoleh kejayaan
61	Hendak belajar berenang dapatkan itik, hendak belajar memanjat dapatkan tupai	Hendak mengetahui sesuatu perkara bertanyalah kepada orang yang mahir tentang sesuatu perkara itu
62	Hendak seribu daya tak hendak seribu dalih	Jika kita hendak melakukan sesuatu, kita akan menyempurnakannya dengan sedaya upaya kita, sebaliknya jika tidak mahu, banyak alasan akan diberikan
63	Hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri, lebih baik di negeri sendiri	Walau bagaimanapun kelebihan di negara orang, tetap negeri sendiri lebih baik lagi
64	Hujan halau mentua	Hujan sebentar sahaja
65	Ibarat telur sesangkak, pecah sebiji, pecah semua	Kesilapan yang dilakukan oleh seseorang menyebabkan orang lain yang menerima akibatnya
66	Ikut resmi padi, semakin berisi semakin tunduk	Semakin berilmu / tinggi pangkat seseorang, semakin merendahkan diri (tidak sombong)
67	Indah khabar daripada rupa	Perkhabaran tentang sesuatu perkara yang lebih-lebihkan daripada perkara sebenar

68	Jalan tengah	Mengambil keputusan yang tidak berat sebelah
69	Jangan ikut resmi ayam, bertelur sebiji riu-riuh sekampung, ikutlah resmi penyau, telur beribu tak siapa tahu	Orang yang berusaha dalam senyap beroleh banyak hasil berbanding yang sedikit diperolehi tetapi diheboh-hebohkan
70	Jauhari sahaja yang mengenal manikam	Orang yang bijaksana juga yang mengetahui keelokan ilmu.
71	Jong pecah yu yang kenyang	Dalam keadaan kacau (huru-hara) tentu ada orang yang mendapat keuntungan
72	Kalau takut dilambung ombak, jangan berumah di tepi pantai	Kalau takut berhadapan dengan penderitaan, lebih baik jangan melakukan sesuatu yang susah
73	Kalau tidak berada-ada, takkan tempua bersarang rendah Kalau tiada angin, masakan pokok bergoyang	Di sebalik sesuatu yang berlaku, pasti ada sebabnya
74	Kecil jangan disangka anak, besar jangan disangka bapa	Pengetahuan dan kelebihan itu tidak khusus pada orang-orang tua sahaja (selalu juga ada pada orang-orang muda)
75	Kera mendapat bunga	Sesorang yang tidak tahu menghargai pemberian orang lain
76	Ketam mengajar anaknya berjalan betul	Orang yang hanya tahu memberi nasihat tetapi dia sendiri tidak melakukan demikian
77	Lain hulu lain parang, lain dahulu lain sekarang	Perbezaan zaman yang berubah mengikut peredaran masa
78	Langkah bendul	Adik berkahwin lebih dahulu dari kakaknya
79	Malang tidak berbau	Kecelakaan yang tidak dapat diketahui sebelumnya
80	Masa itu emas	Masa itu sangat berharga
81	Mata air	Kekasih
82	Melentur buluh biarlah daripada rebunginya	Mendidik anak biarlah sejak mereka kecil lagi
83	Mencegah lebih baik daripada merawat	Mengelak daripada sesuatu yang boleh menyebabkan kesakitan adalah lebih baik dari perlu merawatnya
84	Membaca jambatan ilmu	Amalan membaca dapat membantu kita menambahkan pengetahuan
85	Membuang muka	Berpaling ke arah lain untuk mengelakkan orang yang tidak disukai
86	Nama pena	Nama yang digunakan oleh penulis pada karyanya
87	Orang haus diberi air, orang lapar diberi nasi Orang mengantuk disorongkan bantal	Memperoleh sesuatu yang diinginkan
88	Panas baran	Pemarah

89	Pengayuh sayang dibasahkan, sampan tidak akan sampai ke seberang	Sesuatu tidak akan tercapai jika tidak mahu berusaha dan bersusah payah
90	Pendek akal	Tidak luas fikiran (ikhtiar, pengetahuan dan lain-lain)
91	Pisang tidak berbuah dua kali	Sekali tertipu atau kerugian tentu akan berjaga-jaga pada masa akan datang
92	Rajin seperti semut	Orang yang rajin bekerja
93	Sakit sama mengaduh, luka sama menyiuk	Sama-sama bertanggungjawab
94	Sambil menyelam minum air	Sekali melakukan pekerjaan dua tiga maksud tercapai
95	Sediakan payung sebelum hujan	Berjaga-jaga dulu sebelum mendapat sesuatu bencana
96	Senduk besar tak mengenyang	Janji sahaja yang banyak dibuat tetapi tidak ditepati
97	Sepandai-pandai tupai melompat, akhirnya jatuh ke tanah juga	Walau betapa liciknya seseorang, ada kalanya dia tersilap juga
98	Separuh jalan	Sekerat jalan; tidak selesai
99	Seperti telur di hujung tanduk	Dalam keadaan bahaya
100	Sesat di hujung jalan, balik ke pangkal jalan	Jika kita terlanjur dalam melakukan sesuatu perbuatan, eloklah menginsafinya segera.
101	Serumpun bak serai, sesusun bak sirih	Bersatu hati dalam segala hal
102	Tak lapuk dek hujan tak lekang dek panas	Adat yang tidak berubah; sesuatu yang tetap utuh
103	Tak tumbuh tak melata, tak sungguh orang tak kata /	Orang mengatakan tentang sesuatu perkara itu tentulah ada sebabnya.
104	Takkan lari gunung dikejar	Membuat sesuatu perkara dengan cermat dan hati-hati
105	Terlajak perahu boleh diundur, terlajak kata buruk padahnya Kerana pulut santan binasa, kerana mulut badan binasa	Kerana keceloparan mulut, badan yang menanggung akibatnya
106	Titik peluh	Hasil usaha sendiri.
107	Umpama sirih, menjalar dulu kemudian melilit, barulah memanjat puncak junjung	Tiap-tiap pekerjaan hendaklah dikerjakan mengikut aturannya
108	Untung sabut timbul, untung batu tenggelam	Jika bernasib baik akan mendapat kejayaan, jika bernasib tidak baik, akan mendapat kerugian;menyerahkan nasib kepada takdir
109	Usaha tangga kejayaan	Seseorang itu perlu berusaha dengan gigih untuk menempa kecemerlangan
110	Yang baik dijadikan teladan, yang buruk dijadikan sempadan	Contohi sesuatu yang baik tetapi elakkan daripada terikut-ikut sesuatu yang negatif/tidak baik
111	Yang lama dikelek, yang baharu didukung	Adat yang lama tetap diamalkan di samping budaya hidup yang baharu.
112	Zaman Tuk Nadur berkajang kain	Zaman yang lampau; sudah lama sekali